



IKLAN

TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2019

KEPADA WARGA KLANG YANG BERMINAT BOLEHLAH MENDAPATKAN BORANG DI KAUNTER PERTANYAAN (TINGKAT BAWAH) MAJLIS PERBANDARAN KLANG, BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH, JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG.

(PETAK BARANGAN KERING / PETAK PEKEDAI / PETAK 3P / PETAK MINUMAN DAN MAKANAN RINGAN / BUNGA API / INAI)

TARIKH PERMOHONAN	:	03/09/2019 hingga 23/09/2019.
PROSES UNDIAN PETAK	:	08/10/2019 (Selasa).
TEMPAT UNDIAN	:	DEWAN KOMPLEKS SUKAN PANDAMARAN, KLANG
MASA UNDIAN	:	10.00 PAGI
TARIKH MULA PERNIAGAAN	:	13/10/2019 hingga 26/10/2019 (14 hari).
TEMPOH PERMOHONAN PEMULANGAN WANG KEPADA PENGUNDI YANG TIDAK BERJAYA MENDAPAT PETAK	:	09/10/2019 – 23/10/2019 (11 Hari Bekerja)
TEMPOH PERMOHONAN PEMULANGAN WANG CAGARAN PEMATUHAN SYARAT	:	27/10/2019–27/11/2019 (1 Bulan)

MAKLUMAN :

1. SEMUA PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR OLEH PEMOHON SENDIRI KE KAUNTER MAJLIS PADA ATAU SEBELUM TARIKH TUTUP PERMOHONAN; PERMOHONAN YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPROSES.
2. SEMUA PEMOHON YANG MEMOHON **BAZAR DEEPAVALI MPK 2019** DIWAJIBKAN HADIR KE UNDIAN PETAK DENGAN **MEMBAWA RESIT BAYARAN dan KAD PENGENALAN (I/C)** PADA KETETAPAN TERSEBUT.


(Azhar bin Samsudin)
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang.

***Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**



SYARAT-SYARAT **TAPAK BAZAR DEEPAVALI 2019**

- 1) Pemohon mestilah Warganegara Malaysia.
- 2) Pemohon mestilah mempunyai lesen perniagaan / penjaja / permit perniagaan sementara tahun semasa atau tahun 2018 atau lesen sementara Deepavali tahun 2018.
- 3) **Semua pemohon wajib untuk menyelesaikan segala kompaun (sekiranya ada) yang dikenakan di bawah undang-undang berikut:**
 - a. **Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (1974)**
 - b. **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPK) 2007**
 - c. **Undang-Undang Kecil Iklan (MPK) 2007**
 - d. **Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 2007**
 - e. **Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MPK) 2007**
 - f. **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPK) 2007**
 - g. **Undang-Undang Kecil Pusat Sukan (MPK) 2007**
 - h. **Undang-Undang Kecil Hotel (MPK) 2013**
 - i. **Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan (MPK) 2013**
- 4) Membuat bayaran keseluruhan permit dan kompaun (sekiranya ada) semasa menghantar borang permohonan mengikut kategori permohonan permit yang dibuat.
- 5) Petak di hadapan kedai adalah diperuntukkan kepada pekedai yang memohon sahaja dan maksimum petak yang boleh di mohon adalah 2 petak sahaja.
- 6) Proses undian akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu:
 - a. Undian bagi *petak inai* (**petak no. I01 – I10**) dan *bunga api* (**petak no. B01 – B10**) di Lorong Mydin dan Lorong Tingkat.
 - b. permohonan lain kecuali petak-petak untuk pekedai dan petak penjaja 3P (**petak no. 01 – no 21**).

- 7) Bagi peniaga makanan dan minuman di Jalan Tali Air (Petak A – K), keutamaan diberikan kepada peniaga-peniaga sedia ada, dan sekiranya terdapat permohonan baru, **proses undian akan dijalankan untuk pemohon-pemohon baru sahaja.**
- 8) Bagi peniaga-peniaga makanan dan minuman, diwajibkan untuk mendapatkan suntikan Ty2 yang masih aktif sepanjang tempoh perniagaan.
- 9) Hanya makanan dan minuman berkonsepkan **"take-away"** sahaja yang dibenarkan untuk peniaga-peniaga makanan dan minuman ringan.
- 10) Tidak dibenarkan menyewakan atau menjual tapak kepada orang lain.
- 11) **Peniaga adalah dilarang sama sekali untuk menjual minuman yang dibancuh (air balang) dan memasak atau memanaskan makanan di tapak.**
- 12) Tidak membuat atau mendatangkan halangan lalulintas atau kacauganggu awam.
- 13) Bagi penjualan bunga api, peniaga perlu memastikan mendapat petak daripada yang disediakan dahulu kemudian wajib **memohon kelulusan daripada pihak polis.**
- 14) Majlis akan membekalkan bekalan elektrik kepada peniaga untuk 14 hari perniagaan.
- 15) Khemah yang digunakan mestilah berukuran 10 x 10 kaki persegi.
- 16) Kadar bayaran yang akan dikenakan bagi petak **no. 1 hingga no. 144 (sekitar Lorong Tingkat dan Lorong Rembau)** adalah:-

BIL.	PERKARA	FI
1.	Permit Perniagaan (RM5.00 x 14 hari)	RM 70.00
2.	Bayaran Parkir (RM4.50 x 10 hari)	RM 45.00
3.	Kos Pemasangan dan Bekalan Elektrik	RM 100.00
4.	Bayaran Kebersihan	RM 200.00
5.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 300.00
6.	Sarung Lesen	RM 5.00
JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR		RM 720.00

- 17) Manakala kadar bayaran yang akan dikenakan bagi petak **no. A hingga K (Jalan Tali Air)** adalah:-

BIL.	PERKARA	FI
1.	Permit Perniagaan (RM5.00 x 14 hari)	RM 70.00
2.	Kos Pemasangan dan Bekalan Elektrik	RM 100.00
3.	Bayaran Kebersihan	RM 200.00
4.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 300.00
5.	Sarung Lesen	RM 5.00
JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR		RM 675.00

- 18) Kadar bayaran yang dikenakan bagi petak inai (**petak no. I01 – I10**) adalah: -

BIL.	PERKARA	FI
1.	Permit Perniagaan (RM5.00 x 14 hari)	RM 70.00
2.	Bayaran Kebersihan	RM 10.00
3.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 15.00
JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR		RM 95.00

- 19) Kadar bayaran yang dikenakan bagi bunga api (**petak no. B01 – B10**) adalah: -

BIL.	PERKARA	FI
1.	Permit Perniagaan (RM5.00 x 14 hari)	RM 70.00
2.	Bayaran Kebersihan	RM 10.00
3.	Cagaran Pematuhan Syarat	RM 15.00
JUMLAH YANG PERLU DIBAYAR		RM 95.00

- 20) Tuntutan **deposit** pematuhan syarat hanya akan diluluskan kepada peniaga-peniaga yang mematuhi syarat-syarat pengeluaran permit dan dibuat dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh perayaan tamat iaitu dari **27/10/2019 – 27/11/2019**.
- 21) Sebarang **permohonan selepas dari tempoh tersebut akan ditolak dan deposit tidak akan dipulangkan**.
- 22) Pihak Majlis berhak untuk tidak mengembalikan wang deposit dan **wang tersebut akan dipindahkan ke hasil Majlis**.
- 23) Permohonan pemulangan wang bayaran permit kepada pemohon yang **gagal** mendapat tapak/undi kosong bermula dari **09/10/19 hingga 23/10/19 (11 hari bekerja)**.
- 24) Majlis akan menyediakan Pos Kawalan Penguatkuasa dan memohon bantuan daripada Pihak Polis untuk membuat kawalan keselamatan dan rondaan.




Azhar bin Samsudin)
b.p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Klang.

***Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

PELAN PETAK PERAYAAN DEEPAVALI TAHUN 2019

JALAN ISTANA



(Signature)
 (Azhar bin Samsudin)
 b.p. Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Klang.